

BAB KELIMA.

PENUTUP.

5.1. KESIMPULAN.

Hasil dari kajian mengenai konsep dan sumbangan YPEIM ini telah menunjukkan bahawa YPEIM adalah merupakan sebuah badan bebas yang menjalankan kerja-kerja kebajikan bagi membantu golongan fakir miskin umat Islam di negara ini secara sukarela. Penubuhan badan bebas seperti YPEIM ini amat perlu sekali untuk membangunkan taraf kehidupan umat Islam, membebaskan mereka dari lingkaran kemiskinan dan menghindarkan mereka dari sikap suka bergantung kepada orang lain.

YPEIM yang telah ditubuhkan pada tahun 1976 disebabkan keadaan ekonomi umat Islam ketika itu berada dalam keadaan yang agak runcing yang boleh melumpuhkan kuasa ekonomi mereka dimasa hadapan. Atas rasa kesedaran inilah maka YPEIM telah ditubuhkan sebagai satu usaha untuk memperjuangkan taraf hidup umat Islam yang miskin dan membangunkan ekonomi umat Islam di negara ini. Walaubagaimanapun disebabkan

beberapa masalah yang dihadapi didalam urusan pentadbirannya, YPEIM sekali lagi terpaksa disusun semula pada tahun 1984. Penyusunan semula ini adalah amat perlu sekali terutamanya supaya orang ramai yang sebelum ini tidak menyedari kewujudannya akan sedar dan terus menyumbang dalam tabung ini.

Sebagai sebuah badan bebas, YPEIM tentunya memerlukan jumlah modal yang besar untuk menjalankan projek dan aktiviti-aktiviti amal jariah yang menjadi matlamat utama penubuhannya. Oleh sebab itulah YPEIM telah menjalankan aktiviti memunggut derma dan sumbangan dari orang ramai serta sangat mengharapkan orang ramai menghulurkan derma dan sedekah dengan hati yang ikhlas. Usaha ini juga merupakan satu alternatif untuk mengajak umat Islam menghayati ajaran Islam dan sama-sama merasa bertanggungjawab untuk membangunkan taraf hidup golongan miskin.

Seterusnya hasil daripada sumbangan orang ramai itu telah digunakan oleh pihak YPEIM untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu seperti melaburkan setengah daripadanya dengan tujuan untuk mengembangkan lagi harta tersebut. Manakala sebahagiannya lagi digunakan untuk kegiatan amal jariah dan kerja-kerja kebajikan.

Dalam kegiatan amal jariah dan kebajikan ini, pihak YPEIM telah menceburi dalam berbagai bidang berdasarkan kepada kemaslahatan umum. Antara bidang yang diceburinya ialah dalam bidang pembangunan ekonomi, dalam bidang ini pihak YPEIM telah memberi bantuan dan pinjaman pada mereka yang layak untuk menjalankan projek yang akan dapat membaiki taraf kehidupan mereka dimasa hadapan melalui skim Amanah Ikhtiar Malaysia dan Skim Pinjaman Al-Qardul Hassan.

Dalam peringkat permulaan ini, boleh dikatakan pihak YPEIM telah berjaya menambahkan pendapatan para peserta projek tersebut dan berdasarkan kepada kenyataan inilah pihak YPEIM telah mengambil langkah memperluaskan lagi kawasan yang akan diberi pinjaman dan sehingga kini pihak YPEIM telah mengenalpasti beberapa kawasan di negara ini yang mempunyai ramai penduduknya miskin antaranya di Baling dan Sik di Kedah.

Selain dari bergiat cergas dalam bidang Pembangunan Ekonomi, pihak YPEIM juga telah berusaha untuk mengembangkan syariat Islam, membantu meningkatkan pencapaian didalam bidang ilmu pengetahuan dan pendidikan dan membela nasib anak-

anak Yatim dalam negara ini. Peranan yang dimainkan oleh pihak YPEIM ini terutamanya didalam bidang Ibadat, Pendidikan dan kebajikan Awam adalah merupakan suatu usaha yang murni dan secara tidak langsung juga dapat membantu negara melahirkan generasi yang berhemah tinggi dan bijak pandai dalam perkembangan dan pembangunan negara.

Seterusnya berjaya atau tidaknya YPEIM melaksanakan segala aktiviti-aktivitinya adalah amat bergantung kuat kepada sokongan dan kerjasama yang padu dari orang ramai khususnya masyarakat Islam. Penglibatan masyarakat amat perlu sekali samaada melalui sumbangan material, pemikiran, sikap dan beberapa faktor penentu yang lain.

Kerjasama dan sokongan dari orang ramai yang sedia ada dan penyertaan yang baru dalam berbagai skim yang dilancarkan amat diperlukan. Ini disebabkan punca kewangan yang diperlukan oleh pihak YPEIM datangnya dari sumbangan orang ramai, andainya tidak ada sokongan yang padu dari masyarakat tentulah matlamat YPEIM itu tidak akan tercapai.

Kejayaan YPEIM juga bergantung kepada kecekapan dan kemahiran didalam pentadbiran, dimana dengan tergabungnya tenaga ahli-ahli profesional dalam berbagai bidang menjadikan YPEIM terus maju dan berjalan dengan lancar walaupun dalam suasana pentadbiran yang agak berkurangan berbanding dengan pertubuhan atau badan-badan lain.

5.2 SARANAN DAN CADANGAN.

Dibawah ini Penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak YPEIM dalam rangka untuk mengemaskinikan lagi urusan organisasi dan aktivitinya. Walaubagaimanapun mungkin cadangan yang diberikan ini sudah tersemat dalam pikiran para pentadbirannya dan cadangan ini diutarakan hanya sekadar kemampuan terbatas penulis.

1. Fahaman mengenai falsafah, konsep dan peranan YPEIM dikalangan masyarakat umum masih lagi belum meluas. Penerangan yang menyeluruh dan sempurna belum lagi terdapat dikawasan pendalam dan di kampung-kampung. Oleh sebab itulah beberapa aktiviti YPEIM setakat ini seperti skim

Resit Amal Jariah dan skim Potongan Gaji belum meluas dikawasan ini. Masaalah ini seboleh-bolehnya hendaklah diselesaikan beberapa segera melalui beberapa pendekatan yang difikirkan perlu seperti menubuhkan cawangan-cawangan dan Jawatankuasa Perhubungan di setiap negeri juga mengadakan pameran terbuka mengenai YPEIM atau ekspo sempena ulangtahun penubuhannya.

2. Selaras dengan falsafah, konsep dan matlamat didalam Islam itu sendiri, YPEIM mestilah sedaya upaya melaksanakan usaha-usaha yang berfaedah demi kepentingan masyarakat Islam seluruhnya. Disini YPEIM mestilah bertindak bukan semata-mata berfungsi untuk memberi kemudahan kepada masyarakat disegi material sahaja tetapi juga berperanan dalam memberi pendidikan dan pembentukan kerohanian sehingga masyarakat memahami konsep bahawa harta itu adalah hak Allah yang dianugerahkannya dan membebankan harta tersebut kerana Allah demi untuk mendapat keredhaannya.

3. Konsep YPEIM bahawa seboleh-bolehnya bantuan yang diberikan dapat memberi manfaat yang perpanjangan dan dapat dinikmati oleh golongan orang ramai adalah amat baik sekali. Cuma setakat ini, bantuan yang dihulurkan oleh YPEIM melalui AIM hanya tertumpu dikawasan Pantai Barat sahaja, sedangkan banyak lagi tempat-tempat dikawasan Pantai Timur yang telah diwartakan oleh kerajaan sebagai kawasan termiskin, contohnya di Kelantan dan di Terengganu. Penulis merasakan pihak YPEIM perlu melakukan sesuatu untuk memperluaskan aktiviti yang suci ini selaras dengan matlamat pembangunan YPEIM yang menyeluruh.

4. Bantuan dan sumbangan YPEIM melalui projek AIM setakat ini banyak tertumpu didalam bidang pertanian sahaja. Sewajarnya dizaman mutakhir ini YPEIM mempeluaskan lapangan bantuan seperti membantu belia-belia yang menganggur menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dan sebagainya asalkan ianya tidak bercanggah dengan hukum Islam.

5. Pihak YPEIM juga mestilah menghindarkan diri dan membuktikan segala usahanya tidak dipengaruhi atau didalangi oleh unsur-unsur politik. Penerangan seperti ini amat diperlukan untuk menolak keraguan dikalangan masyarakat terhadap YPEIM.

Itulah beberapa saranan dan kesimpulan yang dapat penulis kemukakan dan adalah diharapkan saranan tersebut mendapat perhatian pihak YPEIM dan semoga ianya dapat mempertingkatkan lagi prestasi dan perjalanan YPEIM dimasa akan datang, Insyaallah.